



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIAM MALAYSIA

SIARAN MEDIA

RITMA MUZIK MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 13 September 2023 – Pameran Ritma Muzik Malaysia kini berlangsung di Aras 5, Balai Pelepasan Terminal 1, KLIA anjuran Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Program ini diadakan bertujuan untuk merangsang masyarakat setempat khususnya pengunjung di KLIA ini untuk menghayati erti sejarah, kebudayaan dan ketamadunan secara berterusan menerusi aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Penglibatan pengunjung yang menyertai program ini diharapkan dapat mencapai hasrat Dasar Perpaduan Negara iaitu untuk memupuk perpaduan. Pameran ini berlangsung sejak 25 Ogos 2023 yang lalu bagi mengisi acara sempena sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos 2023 serta Hari Malaysia pada 16 September 2023 dan dijangka berakhir pada 20 September 2023 di Terminal 1 KLIA, dan 30 September 2023 di Terminal 2, KLIA.

Tan Sri Datuk Zainun, Pengerusi MAHB berkata, “Pameran Ritma Muzik Malaysia ini menjanjikan keunikan dan keistimewaannya tersendiri kerana ia menyerlahkan budaya seni Malaysia kepada kalangan pengunjung yang baru sahaja memasuki negara. Sebagai pengendali lapangan terbang yang juga menjadi pintu masuk utama Malaysia, kami amat berbangga untuk memainkan peranan sebagai titik pertama kepada pengunjung yang ingin mengenali kekayaan budaya Malaysia dan berazam untuk lebih memperbanyakkan kolaborasi sebegini di lapangan terbang kendalian kami.”

Sebanyak lapan (8) koleksi/artifak terpilih yang dipamerkan antaranya Rebab, Sape, Sompoton, Bo, Tabla dan Baya, Serunai, Gendang serta Rebana Ubi yang pernah digunakan ketika majlis pembukaan Sukan Komanwel 1998. Turut dipamerkan juga 14 jenis objek alat muzik lain dalam Program Ritma Muzik Malaysia ini seperti Gambus Johor, Gambus Melayu, Angklung, Kompang, Gitar, Marakas dan banyak lagi. Selain itu persembahan pentas seperti persembahan alat muzik Sape, Gambus dan kontemporari juga turut di susun bagi memeriahkan suasana sepanjang program ini berlangsung. Aktiviti *hands-on* seperti DIY Alat Muzik Tamborin, DIY Wayang Kulit, aktiviti mewarna

alat muzik, kempen derma koleksi, demonstrasi pembersihan alat muzik dan jualan buku muzium turut memeriahkan program Ritma Muzik Malaysia di Terminal 1 dan 2, KLIA.

Terdapat **tiga (3) pecahan segmen utama** yang diketengahkan melalui pameran ini iaitu:-

i. Muzik Tradisional Di Malaysia

- a) Melayu
 - i) Gambus Johor
 - ii) Gambus Melayu
 - iii) Gendang
 - iv) Serunai
 - v) Rebab
- b) Cina
 - i) Bo
- c) India
 - i) Tabla dan Baya
- d) Orang Asli
 - i) Angklung
 - ii) Seruling Buluh (Pensol)
- e) Sabah
 - i) Sompoton
- f) Sarawak
 - i) Sape

ii. Evolusi Muzik Seantero Dunia

(Objek alat muzik yang boleh dicuba)

iii. Muzik dan Kemerdekaan

- a) Rebana Ubi

Pameran ini turut menyediakan peluang kerjasama yang lebih luas di antara institusi permuziuman dan syarikat-syarikat besar (GLC). Ini adalah selari dengan Teras Perpaduan 03 Ekosistem Perpaduan iaitu Memperkasakan Jentera Perpaduan melalui Kerjasama Strategik. Pengukuhan mekanisme pelaksana dan jentera perpaduan melalui pemantapan sistem tadbir urus yang inklusif di pelbagai peringkat sehingga ke akar umbi. Perkara ini bagi memastikan dasar serta pelan tindakan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam masa yang sama, kerjasama dan usaha yang lebih bersepadu antara agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di peringkat pusat, negeri

dan daerah perlu diperkasakan. Kerjasama strategik dan kreatif bersama-sama sektor swasta dan NGO serta masyarakat sivil perlu dipertingkatkan agar kepakaran semua pihak dapat digunakan sepenuhnya melalui penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada kumpulan sasaran.

Usaha Jabatan Muzium Malaysia melaksanakan aktiviti jangkauan luar (outreach) seperti ini akan memantapkan sektor kebudayaan dari segi pembangunan, tadbir urus budaya, modal insan, pengkaryaan dan usaha menjana ekonomi negara. Justeru program ini menyokong hasrat kerajaan untuk menjadikan kesatuan perpaduan dalam kepelbagaian kebudayaan dapat hidup bersama-sama bagi semua aspek, warisan sejarah setanding dengan bidang-bidang lain. Ritma Muzik Malaysia ini menjadi faktor penyatuan masyarakat melalui apa jua bentuk dan konsep program yang dianjurkan.

Jabatan Muzium Malaysia

13 September 2023

Dikeluarkan oleh:- Bahagian Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia
Tel: +6014- 662 0298 (Pn.Maisaraf)
E-mel: maisaraf@jmm.gov.my